



DASAR SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH MAJLIS BANDARAYA KUANTAN (SPAR MBK) MS ISO 37001:2025

MBK komited untuk menjamin dan mempertingkatkan integriti pengurusan dan kakitangan mengikut peraturan dan undang-undang yang diguna pakai untuk mengekang aktiviti rasuah dan menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang cemerlang serta dapat menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan dengan sebaik mungkin serta merealisasikan visi MBK iaitu Kuantan Bandaraya Lestari, Inklusif, Resilien dan Pintar.

MBK mengamalkan toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan komited untuk bertindak secara telus, professional dan berintegriti semasa menjalankan urusan pentadbirannya.

Pihak ketiga yang dilantik untuk mewakili kepentingan MBK mestilah mematuhi prinsip-prinsip yang dinyatakan di dalam dasar ini. Dasar ini hendaklah dibaca bersama dengan Polisi Antirasuah MBK, Dasar Hadiah dan Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*) MBK.

MBK akan:

- a). Mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Undang-Undang lain yang berkaitan, peraturan, polisi dan prosedur yang telah ditetapkan di dalam melaksanakan tugas mereka.
- b). Mewujudkan proses pengenalpastian, penganalisan, penaksiran dan kawalan risiko bagi proses-proses kerja utama serta membuat perancangan untuk mencapai objektif, sasaran, program dan pelan tindakan bagi aktiviti-aktiviti yang dikenal pasti mempunyai risiko yang memberi impak kepada MBK.
- c). Membuat semakan semula dasar dan penilaian risiko sekurang-kurangnya sekali dalam satu tahun kalendar atau sekiranya ada perubahan dalam pengurusan, perundangan dan aktiviti-aktiviti jabatan.
- d). Mewujudkan ruang pelaporan yang selamat melalui Prosedur Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*) MBK bagi menggalakkan pelaporan aktiviti salah laku rasuah atau sebarang pelanggaran integriti serta menjamin kerahsiaan maklumat pengadu.
- e). Bahagian Integriti MBK bertanggungjawab memantau pematuhan SPAR MBK dan mempunyai hubungan secara terus dengan Pengurusan Tertinggi Majlis serta Badan Tadbir Urus (*Governing Body*) menerusi Jawatankuasa Tatatertib untuk melaporkan isu berbangkit mengenai rasuah atau SPAR.
- f). Pihak Pengurusan Atasan MBK komited untuk melaksanakan kawalan dan penambabaikan secara berterusan menerusi SPAR MBK mengikut standard MS ISO 37001:2025 (Anti-Bribery Management Systems).
- g). Mengambil tindakan sewajarnya ke atas mana-mana pihak yang tidak mematuhi Dasar SPAR MBK mengikut peraturan-peraturan, polisi, arahan, prosedur dan garis panduan MBK atau undang-undang yang berkuatkuasa.




DATO' ZALIZA BIN ZULKIPLI
DIMP., AAP.
BATUK BANDAR KUANTAN
MAJLIS BANDARAYA KUANTAN





DASAR PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWING) MAJLIS BANDARAYA KUANTAN MS ISO 37001:2025

Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) komited untuk melaksanakan dan menyampaikan perkhidmatan dengan standard tadbir urus terbaik dan integriti tertinggi.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan tadbir urus, MBK telah mewujudkan Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*) bagi memudahkan warga MBK serta orang awam melaporkan pelanggaran tatakelakuan atau integriti seperti penipuan, rasuah, penyelewengan kewangan yang serius dan salah guna kuasa seseorang yang dilantik dalam MBK dengan lebih berkesan. Ini sejajar dengan komitmen MBK untuk membangunkan budaya keterbukaan dan kejujuran di mana seseorang digalakkan untuk melaporkan perkara tersebut, dengan niat baik, tanpa rasa takut akan tindakan balas.

Mana-mana individu yang mahu melaporkan salah laku rasuah dan pelanggaran integriti akan dilindungi oleh Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*). Di bawah dasar ini, laporan boleh dibuat terhadap mana-mana individu yang mempunyai kaitan dengan MBK, sekiranya disyaki melakukan salah laku rasuah dan pelanggaran integriti. Sebarang kes salah laku atau pelanggaran integriti yang dilaporkan akan disiasat menurut prosedur dan undang-undang yang berkaitan.

INTEGRITI.... Kami mengamalkan standard integriti tertinggi.


DATO' ZALIZA BIN ZULKIPLI
DIMP., AAP.
DATUK BANDAR KUANTAN
MAJLIS BANDARAYA KUANTAN



DASAR HADIAH MAJLIS BANDARAYA KUANTAN MS ISO 37001:2025

Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) komited untuk melaksanakan dan menyampaikan perkhidmatan dengan standard tadbir urus terbaik dan integriti tertinggi. MBK mewujudkan Dasar Hadiah ini untuk memastikan Warga MBK mematuhi Kod Etika Kerja MBK dan Dasar serta Polisi Antirasuah MBK dalam memberi atau menerima Hadiah.

Dasar Hadiah ini memerlukan Warga MBK untuk mengamalkan standard etika dan tatakelakuan tertinggi dalam semua perkara apabila berurusan dengan pihak ketiga untuk mengekalkan kerja beretika tinggi bagi mengelakkan sebarang konflik kepentingan atau kelihatan seperti ada konflik kepentingan.

Semua Warga MBK tidak dibenarkan memberi atau menerima sebarang Hadiah secara langsung atau tidak langsung.

Dasar Hadiah ini hendaklah dibaca bersama-sama Kod Etika Kerja MBK dan Dasar serta Polisi Antirasuah MBK. Sebarang pelanggaran Dasar Hadiah ini akan juga menjadi pelanggaran kepada Kod Etika Kerja MBK dan Dasar serta Polisi Antirasuah MBK.

INTEGRITI.... Kami mengamalkan standard integriti tertinggi.



DATO' ZALIZA BIN ZULKIPLI
DIMP., AAP.
BATUK BANDAR KUANTAN
MAJLIS BANDARAYA KUANTAN